RUMAH PUTIH
Pejabat Sekretariat Media

Untuk Siaran Segera 26 April 2010

UCAPAN PRESIDEN
DI SIDANG KEMUNCAK PRESIDEN MENGENAI KEUSAHAWANAN

Bangunan Ronald Reagan dan Pusat Perdagangan Antarabangsa
Washington, D.C.

18:05 PM WAKTU ZON TIMUR AMERIKA

PRESIDEN: Terima kasih banyak. Hadirin semua, silakan duduk. Selamat malam, kalian semua, dan selamat datang ke Washington.

Dalam hidup saya, dan sebagai Presiden, saya telah banyak melakukan kunjungan ke negara-negara anda, dan saya berterima kasih atas kehangatan dan keramahan yang anda dan warga negara anda berikan kepada saya. Pada malam ini saya ingin mengambil kesempatan untuk membalas keramahan anda itu.

Bagi kebanyakan daripada anda, saya tahu ini kali pertama anda mengunjungi negara kami. Izinkan saya menyampaikan, selamat datang ke Amerika Syarikat sebagai wakil daripada rakyat Amerika. (Tepuk tangan.)

Kedatangan anda ke Sidang Kemuncak Presiden Mengenai Keusahawanan ini merupakan satu penghormatan luar biasa bagi saya. Ini adalah usaha sama semua pihak dalam pentadbiran saya, dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka semua dan ketua-ketua jabatan dan agensi yang telah bekerja keras untuk menjayakan semua ini, dan juga mereka yang hadir di sini malam ini.

Ini termasuk Duta Besar Perwakilan Dagang Amerika Syarikat, Ron Kirk. Di mana Ron? Itu dia. (Tepuk tangan.) Terutama sekali saya ingin berterima kasih kepada dua jabatan dan para pimpinannya yang berada di barisan hadapan untuk menjayakan sidang kemuncak ini – Setiausaha Perdagangan Gary Locke dan Setiausaha Negara Hillary Clinton. Sila beri tepukan kepada mereka. (Tepuk tangan.)

Bersama kita adalah anggota-anggota Kongres yang bekerja setiap hari untuk membantu pengundi-pengundi di kawasan mereka mencapai Impian Amerika. Kisah hidup mereka ini mencerminkan kepelbagaian dan kesamaan peluang yang kami junjung tinggi sebagai orang Amerika: Nydia Velazquez, yang juga ketua Jawatankuasa

Usahawan Kecil di Dewan Perwakilan. (Tepuk tangan.) Keith Ellison juga hadir. (Tepuk tangan.) Dan Andre Carson juga di sini. (Tepuk tangan.)

Namun yang penting sekali, saya ingin berterima kasih kepada anda semua kerana menjadi sebahagian daripada peristiwa bersejarah ini. Anda telah melakukan perjalanan merentasi Amerika Syarikat, yang datang dari hampir 60 negara, dari Amerika Latin hingga Afrika, Eropah hingga Asia Tengah, dari Timur Tengah hingga Asia Tenggara.

Dan anda membawa bersama kekayaan tradisi dan budaya dunia yang hebat. Anda membawa dalam diri anda keindahan warna kulit dan kepercayaan, kaum dan agama yang pelbagai. Anda adalah pelopor yang merintis industri-industri baru dan usahawan muda yang berusaha membangunkan perniagaan dan masyarakat.

Hari ini kita bertemu kerana sesuatu yang kita miliki bersama – satu keyakinan bahawa kita terikat oleh aspirasi tertentu yang serupa. Untuk hidup dengan bermaruah. Untuk mendapatkan pendidikan. Untuk hidup sihat. Mungkin untuk memulakan perniagaan, tanpa perlu membayar rasuah kepada sesiapa. Untuk bersuara dengan bebas dan mempunyai suara tentang bagaimana kita ditadbir. Untuk hidup dengan aman damai serta menyediakan masa depan yang lebih baik kepada anak-anak kita.

Kita juga berada di sini kerana kita tahu bahawa selama bertahun-tahun, walaupun persamaan yang kita miliki, Amerika Syarikat dan masyarakat Islam di seluruh dunia sering kali menjadi korban kepada rasa saling tidak percaya.

Dan kerana itu saya datang ke Kaherah hampir setahun lalu dan mengusulkan permulaan baru antara Amerika Syarikat dan masyarakat Islam – satu permulaan baru berdasarkan kepentingan bersama dan rasa hormat antara satu sama lain. Saya tahu wawasan ini tidak akan dicapai dalam masa satu tahun, atau beberapa tahun. Namun saya pasti kita perlu memulakannya dan kita semua memiliki tanggungjawab yang perlu dipenuhi.

Sebagai Presiden, saya berusaha memastikan agar Amerika sekali lagi menjalankan tanggungjawabnya, terutama dalam isu-isu keamanan dan politik yang sering kali menjadi sumber ketegangan. Amerika Syarikat bertanggungjawab untuk mengakhiri perang di Iraq, dan kami akan bekerjasama dengan rakyat Iraq demi kemakmuran dan keamanan jangka panjang mereka. Di Afghanistan, Pakistan, dan negara-negara lain, kami menjalinkan kerjasama-kerjasama baru untuk mengasingkan kumpulan ekstrimis, dan juga memerangi penyelewengan serta menggalakkan pembangunan yang meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Pada malam ini, sekali lagi saya ingin mengatakan: Walaupun menghadapi kesulitan yang tak dapat dielakkan, selama saya menjawat jawatan Presiden, Amerika Syarikat tidak akan menyerah kalah daripada berusaha untuk mendapatkan penyelesaian dua negara yang menjamin hak dan keamanan untuk kedua-dua warga Israel dan Palestin. (Tepuk tangan.) Dan di seluruh dunia, Amerika Syarikat akan terus berdiri bersama mereka untuk mencari keadilan dan kemajuan serta mempertahankan hak asasi manusia dan maruah semua manusia.

Walaupun saya menjanjikan bahawa Amerika Syarikat akan menangani keprihatinan-keprihatinan berkaitan keamanan dan politik, saya juga menegaskan di Kaherah bahawa kita juga perlu sesuatu yang lain – iaitu usaha berterusan untuk saling mendengar dan mempelajari, untuk menghargai satu sama lain. Dan saya berjanji untuk membentuk kerjasama baru, tidak sekadar antara kerajaan dengan kerajaan, tapi juga di kalangan rakyat mengenai isu-isu yang penting dalam kehidupan seharian mereka – dalam hidup anda.

Kini ramai yang mempersoalkan adakah itu boleh dicapai. Kebelakangan ini, Amerika Syarikat telah menghulurkan tangan dan mendengar. Kami telah mengikuti dialog-dialog antara agama dan mengendalikan pertemuan-pertemuan di dewan perbandaran, meja bulat, dan sesi perjumpaan bersama ribuan orang di seluruh dunia, termasuk bersama anda semua. Dan seperti kebanyakan orang, anda telah membalas huluran tangan kami, masing-masing dengan cara tersendiri, sebagai usahawan dan pendidik, sebagai pemimpin agama dan sains.

Saya harus mengatakan, bahawa respons yang paling inovatif datang daripada Dr. Naif al Mutawa dari Kuwait yang ada bersama kita sekarang. Di mana Dr. Mutawa? (Tepuk tangan.) Buku-buku komiknya telah mencetuskan imaginasi ramai orang muda dengan wira-wira super yang menjelma di dalamnya ajaran dan toleransi Islam. Selepas ucapan saya di Kaherah, beliau mendapat idea. Jadi dalam komik-komiknya, *Superman* dan *Batman* berganding bahu bersama rakan-rakan Muslimnya. (Tertawa.) Dan saya dengar mereka juga telah mencatat kemajuan. (Tertawa.) Sudah pasti. (Tepuk tangan.)

Kami telah memajukan kesihatan global, termasuk kerjasama kami dengan Pertubuhan Persidangan Islam, untuk membanteras polio. Ini hanya salah satu daripada kerjasama meluas kami dengan OIC, yang dipimpin oleh Wakil Khas saya, Rashad Hussain, yang hadir bersama kita malam ini. Di mana Rashad? (Tepuk tangan.)

Dan kami juga bekerjasama untuk memperluaskan kemakmuran ekonomi. Di peringkat kerajaan, saya mendapati dengan membawa kumpulan G20 bersama dalam proses membuat keputusan ekonomi global telah mencetuskan lebih banyak pandangan dari banyak pihak – termasuk Turki, Arab Saudi, India, dan Indonesia. Dan

di sini hari ini, kami memenuhi komitmen saya di Kaherah untuk mempererat ikatan antara para pemimpin perniagaan, yayasan, dan para usahawan di Amerika Syarikat dan masyarakat Islam di seluruh dunia.

Saya tahu sesetengah orang bertanya – dengan cabaran-cabaran dalam isu keselamatan, politik dan sosial yang kita hadapi – mengapa menganjurkan sidang kemuncak mengenai keusahawanan? Jawapannya mudah.

Keusahawanan – kerana anda memberitahu kami bahawa ini adalah bidang yang dapat kita pelajari antara satu sama lain; di mana Amerika dapat berkongsi pengalaman sebagai sebuah masyarakat yang memperkasakan pencipta dan pereka inovasi; di mana kaum lelaki dan wanita berpeluang mencapai impian – mengambil idea yang datang dari dapur atau garaj, dan mengubahnya menjadi satu perniagaan baru bahkan industri baru yang dapat mengubah dunia.

Keusahawanan – kerana berdasarkan sejarah, pasaran adalah kuasa terkuat di dunia yang kita ketahui mampu menciptakan peluang dan membawa manusia keluar daripada kemiskinan.

Keusahawanan – kerana ini adalah kepentingan ekonomi kita bersama. Perdagangan antara Amerika Syarikat dan negara-negara bermajoriti penduduk Islam telah bertambah. Namun semua perdagangan ini, jika digabungkan, masih lebih kurang sama dengan perdagangan Amerika dengan satu negara – Mexico. Jadi masih banyak yang dapat kita lakukan bersama, dengan bekerjasama untuk menyemai peluang dan kemakmuran di negara-negara kita.

Dan keusahawanan sosial – kerana, seperti yang saya pelajari sebagai aktivis masyarakat di Chicago, perubahan yang sebenarnya datang dari bawah ke atas, dari akar umbi, dimulai dari impian dan semangat setiap individu yang berkhidmat untuk masyarakat mereka.

Dan kerana itu kita berada di sini. Kita ada Jerry Yang, yang mengubah cara kita berkomunikasi, dengan Yahoo. Jerry ada di sini? Di mana dia? Dia akan hadir esok. Demikian pula para usahawan yang telah membuka kafe-kafe internet dan forum-forum baru di internet untuk diskusi dan pembangunan. Bersama-sama, anda dapat membangun teknologi yang akan membantu membentuk abad ke-21.

Kita memiliki kisah kejayaan seperti Dr. Mohamed Ibrahim, yang saya temui sebelumnya, yang membangun empayar perniagaan telekomunikasi yang memperkasakan masyarakat di seluruh Afrika. Dan kita memiliki para usahawan yang beraspirasi untuk mengembangkan perniagaan mereka dan mengambil pegawai-pegawai baru. Bersama-sama kita dapat menghadapi cabaran mendapatkan modal. Kita memiliki pelopor seperti Sheikha Hanadi dari Qatar, yang bersama Waed al

Taweel, yang saya temui sebelumnya – seorang pelajar berumur 20 tahun dari Tebing Barat yang ingin membangun pusat rekreasi bagi kaum belia Palestin. Mereka mewakili bakat-bakat luar biasa usahawan wanita dan mengingatkan kita bahawa negara-negara yang mendidik dan memperkasakan wanita adalah negara-negara yang akan menjadi lebih makmur. Saya percaya itu. (Tepuk tangan.)

Kita memiliki perintis seperti Chris Hughes, yang menciptakan Facebook, juga komuniti online yang mempertemukan ramai golongan belia dalam kempen saya sebagai Presiden – MyBarackObama.com. (Tertawa.) Kita memiliki orang-orang seperti Soraya Salti dari Jordan yang memperkasakan golongan belia lelaki dan wanita sebagai calon pemimpin masa depan. (Tepuk tangan.) Mereka mewakili potensi besar dan harapan belia di seluruh dunia.

Dan kita ada usahawan sosial seperti Tri Mumpuni, yang membantu masyarakat desa di Indonesia – (tepuk tangan) – memanfaatkan tenaga elektrik dan pendapatan dari tenaga air. Dan Andeisha Farid, seorang wanita luar biasa dari Afghanistan, yang telah mengambil risiko besar untuk mendidik generasi masa datang, seorang gadis kecil pada satu masa. (Tepuk tangan.) Bersama-sama, mereka menunjukkan jalan ke masa depan di mana kemajuan dikongsi bersama dan kemakmuran berkekalan.

Dan saya juga nampak Dr. Yunus – gembira bertemu anda lagi. Saya rasa ramai orang tahu sejarah Bank Grameen dan tugas-tugas hebat yang telah dilakukannya untuk membantu membiayai menyemai keusahawanan di kalangan golongan miskin, pada mulanya di seluruh Asia Selatan, dan kini di seluruh dunia.

Jadi ini adalah potensi luar biasa yang anda wakili; masa depan yang dapat kita capai bersama. Malam ini saya bangga untuk mengumumkan kerjasama-kerjasama dan inisiatif-inisiatif baru yang akan mewujudkan itu semua.

Amerika Syarikat melaksanakan sejumlah program pertukaran baru. Kita akan membawa para usahawan perniagaan dan sosial dari negara bermajoriti penduduk Islam ke Amerika Syarikat dan menghantar rakyat Amerika untuk belajar ke negara anda. (Tepuk tangan.) Jadi golongan wanita di bidang teknologi akan berpeluang untuk datang ke Amerika Syarikat untuk belajar dan pengembangan profesional. Dan kerana inovasi adalah kunci keusahawanan, kami membuat program pertukaran baru bagi para guru sains.

Kami menjalinkan kerjasama-kerjasama baru di mana para pemimpin teknologi tinggi dari Lembah Silikon akan berkongsi kepakaran mereka – dalam modal teroka, program mentor, dan inkubator teknologi – dengan rakan-rakan kongsi dari Timur Tengah, Turki dan Asia Tenggara.

Pada malam ini, saya ingin melaporkan bahawa Dana Inovasi dan Teknologi Global yang saya umumkan di Kaherah berpotensi mengumpul lebih daripada $2 bilion dolar pelaburan. Ini adalah modal swasta, dan ini akan membuka peluang-peluang baru bagi masyarakat di negara-negara kita dalam sektor-sektor seperti telekomunikasi, penjagaan kesihatan, pendidikan, dan infrastruktur.

Dan akhir sekali, saya bangga bahawa apa yang kita lakukan di sidang kemuncak ini bukan setakat program-program yang baru saya sebutkan. Kita tidak akan berhenti di sini. Bersama-sama, kita telah menciptakan era baru keusahawanan – dengan pelbagai acara di Washington minggu ini, dan dalam persidangan-persidangan akan datang di seluruh dunia.

Malam ini, saya dengan sukacita mengumumkan bahawa Perdana Menteri Erdogan telah bersetuju untuk menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Mengenai Keusahawanan tahun depan di Turki. (Tepuk tangan.) Jadi saya berterima kasih kepada Perdana Menteri dan rakyat serta para pemimpin sektor swasta di Turki kerana membantu meneruskan momentum yang kita ciptakan minggu ini.

Seperti yang telah saya katakan, ada pihak-pihak yang mempersoalkan adakah kita mampu membina permulaan yang baru. Dan mengingat betapa besarnya cabaran-cabaran yang kita hadapi di dunia – kita mengaku memang banyak berita buruk yang kita tonton di televisyen setiap hari –kadang-kadang kita patah semangat dengan berfikir bahawa niat baik dan kerja baik yang dibuat oleh orang-orang biasa tidak cukup untuk menggalas tugas besar ini. Namun kepada mereka yang masih meragui sama ada kerjasama di kalangan masyarakat dunia dapat mengubah dunia, saya katakan lihatlah kepada lelaki-lelaki dan wanita-wanita yang ada di sini hari ini.

Lihatlah kepada profesor yang mencetuskan idea – pembiayaan pinjaman kecil – yang memperkasakan golongan miskin di negaranya, terutama wanita dan kanak-kanak. Itulah contoh yang baik dari Dr. Yunus.

Lihat apa yang terjadi ketika Muhammad berkongsi gagasannya dengan seorang wanita dari Pakistan, yang sejak itu telah membantu ratusan ribu keluarga dan kanak-kanak keluar dari kemiskinan melalui sebuah yayasan yang namanya bererti "keajaiban". Itulah contoh dari Roshaneh Zafar. (Tepuk tangan.)

Lihat apa yang terjadi apabila satu gagasan tersebar ke seluruh dunia – termasuk ke golongan seperti ibu saya sendiri, yang bekerja dengan golongan miskin di desa dari Pakistan hingga Indonesia. Gagasan sederhana itu, yang dimulai dari satu orang, kini mengubah jutaan hidup manusia. Itulah semangat keusahawanan.

Jadi, ya, permulaan baru yang kita cari bukan saja mungkin, bahkan sudah bermula. Permulaan baru itu ada dalam setiap diri anda, dan jutaan mereka yang lain di seluruh

dunia yang percaya, seperti kita, bahawa masa depan bukan milik mereka yang akan memecah-belahkan kita, tapi milik mereka yang bersatu; bukan milik mereka yang akan menghancurkan, tapi milik mereka yang akan membangun; bukan milik mereka yang terperangkap dalam masa lalu, tapi milik mereka, seperti kita, yang percaya dengan keyakinan dan keteguhan masa depan yang adil, maju, dan bermaruah bagi semua umat manusia tanpa mengira kaum dan agama.

Inilah potensi hebat yang kita harap dapat dibuka seluas-luasnya di dalam persidangan ini dan kita harap ia berterusan tidak saja pada minggu ini tetapi juga pada bulan-bulan dan tahun-tahun akan datang. Saya berterima kasih atas penglibatan anda semua. Semoga Tuhan memberkati anda semua dan semoga Tuhan memberi anda ketenangan. Terima kasih banyak. Terima kasih. (Tepuk tangan.)

SELESAI 18:05 PM WAKTU ZON TIMUR AMERIKA